

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

Apa kata 4 orang pengundi biasa...

KEPALA berita muka hadapan di akhbar-akhbar tempatan pada April 24, 1982, adalah mengenai kepimpinan baru Barisan Nasional. Berita Harian, menggunakan, memaparkan kepala yang berbunyi: "KEMENANGAN BERSEJAJAR" rebat 110 kerusi Parlimen dan kuasai semua negeri", sementara Utusan Malaysia menulis: "Fasial tawan semula Kelantan BARIAN NASIONAL menang dua pertiga di Parlimen". New Straits Times pula berkata: "The tally is 111 so far for Barisan - it's the best ever", sementara Utusan Malaysia menyalurkan kepala yang berbunyi: "Menang 111 kerusi Parlimen, kuasai semua negeri, PAS gagal tawan Kelantan-Trengganu BN dapat majoriti dua pertiga".

Pada hari yang sama, yakni, Sabtu April 23, di ketika penulis, orang rumah dan cucu berlatih-latih di Kompleks beli-belah di Bukit Bintang, (cara penulis ber"relex" di hujung minggu — menurut nasihat doktor), penulis mengambil kesempatan berfanyakan beberapa orang (yang tidak dikenalnya dan yang ditemuinya secara kebetulan di Kompleks berkenaan) mengenai keputusan pilihanraya seperti dikisahkan tadi.

Seorang pengundi keturunan Tionghua berkata: "Ini Doktor Mahadet banyak ber-punya orang — dia tidak saja makan sup pula orang. Itu pasal kita niaga punya orang banyak juga sama dia." Seorang keturunan India pula menyuarakan pendapat yang berbunyi: "Banyak banyak support" ini 2-M punya 'leadership'. Dia orang tidak main-main korap punya pasal. Kurang satu tahun dia orang kuasa pegang, Governmen punya orang sekarang banyak baik kerja, banyak 'punctual' dia datang."

Dan beginilah pula pendapat seorang pemuda Melayu yang mengundi bagi pertama kali: "Kami dari golongan pemuda amat tertarik baik dengan 'style' yang berkesan dan berkesan kepada Kerajaan bersih, cekap dan amanah. Dari kakamati kami, pemimpin-pemimpin masyarakat yang tidak bersih dan yang tidak amanah dan dengan itu lebih mengutamakan kepentingan pertama aku sendiri dari kepentingan rakyat — mereka itu tidak jauh bezanya dari ketua-ketua Melayu yang kita seringkali terbacu dalam majalah ataupun akhbar dan terlihat dalam cerita-cerita TV. Selain dari itu Kerajaan di bawah pimpinan 2M adalah juga mengambil berat untuk memperbaiki keadaan hidup golongan rakyat yang miskin, termasuk mereka yang dikenali sebagai selingan yang mendeduki rumah-rumah haram di kawasan-kawasan sesak."

Seorang Sikh lelaki berjanggut putih pula berkata: "Saya Sarjan Mohan Singh 'pensioner' — dulu saya polis kerja 30 tahun. Saya undi

Barisan Nasional, pasal saya banyak suka sama Doktor Mahathir sama Datuk Musa. Dia orang banyak bersih punya orang, tidak saja makan sup punya orang. Dia tidak saja makan sup punya orang. Sekarang kerja punya orang banyak rajin kerja, banyak pag datang. Lagi satu pasal, saya banyak suka...Datuk Musa bilang, undang-undang punya pasal semua orang serupa, kecil-kecil punya orang, besar punya orang, ini banyak baik punya orang. Tuan Allah pun banyak suka — mana boleh dua macam punya 'law', orang besar satu 'law', kecil orang satu 'law', 'tu orang besar tak langkap, ini orang tak boleh langkap'.

Polis punya orang nanti kepala banyak pulang...". Bila penulis mengucapkan "Terima kasih" kepada Bai berkenaan kerana pandangan ikhlasnya terhadap pentadbiran 2M dia mengemukakan "Sasrika j". ("Sasrika" adalah bersama dengan "assalamualaikum" dalam bahasa Arab) kepada penulis. (Catitan Khas: Setelah meninggalkan penulis beberapa langkah bekas Sarjan Mohan Singh berpaling balik dan berkata kepada penulis: "Saya ini pagi Gudwara sudah pigli, saya banyak sembahyang sama Doktor Mahathir sama Datuk Musa — saya bilang sama Tuan Allah kita orang banyak lama jadi kita punya P.M. Sama nombor dua punya P.M. — sasrika"). (Nota: 'Gudwara' adalah rumah ibadat orang Sikh).

Komen Penulis:

Berjulang bunyi pandangan empat orang pengundi biasa, yang penulis temui di sebuah Kompleks beli-belah di Ibu Kota, mengenai kejayaan cemerlang Barisan Nasional dalam Pilihanraya yang baru berlangsung di Semenanjung Malaysia.

Ini adalah membuktikan kebenaran komen dan dakwaan pemimpin-pemimpin masyarakat kita, yang mengatakan bahawa faktor utama yang membawa kepada kejayaan BN di luar dugaan itu ialah keazaman "2M" yakni, Dr M dan Datuk Musa untuk mewujudkan kerajaan yang benar-benar bersih, cekap dan amanah — seperti yang dijanjikan melalui slogan Barisan Nasional. Dan ini akan juga membuktikan mala memelihara "berjaya" dari Parti yang bukanlah kerana kepopularan peribadi atau "charisma" luar biasa mereka, tapi adalah kerana keyakinan dan kepercayaan penuh sebahagian besar dari para pengundi (yang berjaya bersih dan berfikirin "normal") terhadap kepimpinan Datuk Seri Dr Mahathir dan Datuk Musa Hitam. (Begitu tinggi sekali kepercayaan para pengundi terhadap pucuk pimpinan BN sehingga ada orang humoris yang berjenaka, jikalau sebagai misalan karut, "ubi kayu" atau, secara mengguna bahasa Tan Sri Othman Saat, secara mengguna bahasa Tan Sri Othman Saat, "batang pisang" diclononkan oleh BN "ubi kayu" atau "batang pisang" pun mungkin menang dengan majoriti yang besar di ke-

banyakan kawasan undian... Siapa tahu calon tua seperti penulis pun mungkin menang kalau bertanding di atas tiket Barisan Nasional! "Such was the mood of the voters"). Secara mengguna bahasa Dr M sendiri "...mereka memilih BN yang menawarkan mereka kerajaan yang bersih, cekap dan amanah" (Undang-undang).

Oleh itu, secara membela buli pucuk pimpinan parti, amatlah wajar bagi calon-calon BN yang berjaya memenangi kerusi (sama ada di Parlimen ataupun Dewan Undangan Negeri) memelihara imej, maruah dan nama baik parti dan Kerajaan dalam konteks "kebersihan, kecekapan dan kejujuran" — supaya tidak akan timbul di dada para pengundi perasaan syak wasangka (suspicion) bahawa Parti yang mereka amanahkan dengan kuasa mungkin mengandungi selibangan orang yang 'berjiwa "kotor dan bengkok", seperti anggota-anggota dalam geng Mafia di Eropah dan Amerika, yang mengutamakan kepentingan diri sendiri di atas segala-galanya.

☆☆☆

Ekor Ruangan:

"105 bilang deposit", kata sebuah kepala kecil di Berita Harian April 23, 1982. Berita selanjutnya berkata, kira-kira 100 calon dari parti pembangkang dan bebias hilang wang pertukaran setelah gagal dalam pertandingan merebut kerusi Dewan Rakyat atau Dewan Undangan Negeri.

Catitan Khas:

Ini adalah membuktikan bahawa semakin ramal pengundi di negara ini yang udah matang dari segi pemikiran politik dan dengan itu udah pandal mengundi dengan berpandukan kepada akal di kepala dan tidak lagi kepada sentimen atau emosi di dada.

Atau secara mengguna bahasa Dr M: "...rakat kini tidak boleh ditipu dan dipengaruh dengan 'susu' perkasaman lapuk dan tidak pantas merangkap pengundi (tidak lagi mudah ditukatkan dengan "ugutan rohaniah", yang bertentangan dengan ajaran agama yang sebenarnya).

Dan dalam konteks masyarakat pengundi di Colombia, Amerika Selatan, pula — di mana di antara calon-calon yang bertanding dalam Pilihanraya Umum terdapat ahli sibir, peruk masb-urub dan buruh dan pawang kampung (medicine man) — para pengundi atau pemilih di Negara kita udah berakal dan dengan itu tidak akan memihak calon-calon yang "bukan bukan" seperti, umpamanya orang buta burut, ahli sibir, penilik nasih dan pawang! Satu petanda baik dan positif bagi masa depan demokrasi di negara ini!...